



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***BAHASA ANTARA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
SEBAGAI BAHASA KEDUA***

NOOR ZILA BINTI MD. YUSUF

FBMK 2015 50



**BAHASA ANTARA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
SEBAGAI BAHASA KEDUA**

Oleh

NOOR ZILA BINTI MD. YUSUF

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan
untuk Ijazah Doktor Falsafah**

September 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta© Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Kuabadikan nukilan ini buat insan-insan teristimewa dalam hidupku.

*Buat Allahyarham ayahanda Md. Yusuf bin Awang dan
Allahyarhamah bonda Rubiah binti Ismail,
saat kalian menghembuskan nafas terakhir,
kutanam semangat yang kental untuk mengubah nasib keluarga.*

*Buat suami tercinta Amir bin Juhari,
saat aku hampir rebah dalam kepayahan ini
kau tak pernah henti menyokong dan memberi semangat.*

*Buat anak-anak tersayang, Nur Fahada, Nur Fariha,
Muhammad Firzan dan Nur Farisha,
saat kalian meminta perhatian, ibu terleka,
terima kasih kerana memahami kesibukan ibu yang tiada henti.*

*Buat pensyarah yang dihormati Dr. Vijayaletchumy
saat aku ketandusan idea, kau tabah membimbing,
pembakar semangat, mencurah ilmu.*

*Buat kakak, abang, adik, keluarga mentua, rakan-rakan dan majikan,
terima kasih atas sokongan yang padu
Sesungguhnya,
Jerih, perih, onak, duri, suka, duka kutempuh sabar.*

*Kini,
sebuah kejayaan menanti di hadapan.
Syukur Ya Allah,
kerana memberi ruang dan peluang dalam kembara mencari ilmu.*

© COPYRIGHT UPM



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Doktor Falsafah

BAHASA ANTARA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA

Oleh

NOOR ZILA BINTI MD. YUSUF

September 2015

Pengerusi : Prof. Madya Vijayaletchumy Subramaniam, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis Bahasa Antara (BA) dalam proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua melalui penggunaan Strategi Komunikasi dan Strategi Pembelajaran. Pengkaji menggunakan teori BA yang diperkenalkan oleh Selinker (1992) sebagai landasan dalam menganalisis Strategi Komunikasi dan Strategi Pembelajaran yang digunakan oleh subjek kajian semasa mempelajari bahasa Melayu. Teori Analisis Kesilapan (1981) digunakan untuk mendapatkan data berkaitan Strategi Pembelajaran. Persekitaran linguistik diuraikan sebagai maklumat tambahan tentang faktor yang mempengaruhi kewujudan BA dalam kalangan subjek kajian. Pengkaji juga telah menggunakan Teori Behaviourisme (1978) semasa menghasilkan strategi pengajaran berkesan dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2). Sebanyak 28 orang pelajar Iban tahun empat di salah sebuah sekolah kebangsaan di daerah Meradong, Sarawak dijadikan subjek kajian. Mereka terdiri daripada pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2. Kajian ini melibatkan kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan. Hasil dapatan kajian diuraikan secara kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelbagai Strategi Komunikasi telah digunakan oleh subjek kajian dalam pertuturan sebagai satu usaha menuju bahasa sasaran. Kepelbagaian Strategi Pembelajaran ditemukan dalam penulisan karangan subjek kajian melalui analisis kesilapan yang dilakukan oleh pengkaji. Tahap BA subjek kajian dapat ditentukan oleh pengkaji berdasarkan kesilapan dan keputusan ujian karangan yang diperolehi. Melalui borang soal selidik yang diedarkan, pengkaji dapat menjelaskan faktor persekitaran linguistik yang mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua subjek kajian. Dapatan objektif satu, objektif dua dan objektif tiga telah dijadikan panduan oleh pengkaji untuk menghasilkan strategi pengajaran berkesan dalam pembelajaran BM sebagai bahasa kedua. Hasilnya Teknik Drama dan Kaedah IsSam diperkenalkan sebagai satu strategi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai B2 di sekolah kajian. Kajian ini penting dan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak sama ada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Pendidikan Guru, Bahagian Perkembangan Kurikulum, guru sekolah dan ibu bapa dalam melihat kepentingan strategi pembelajaran terhadap kecenderungan mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Doctor of Philosophy

**INTERLANGUAGE IN LEARNING THE MALAY LANGUAGE
AS A SECOND LANGUAGE**

By

NOOR ZILA BINTI MD. YUSUF

September 2015

**Chair : Prof. Madya Vijayaletchumy Subramaniam, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication**

This research aims to identify and analyze Interlanguage in learning the Malay language as a second language through the use of the Communication Strategy and Learning Strategy. The researcher used Interlanguage theory, introduced by Selinker (1992) as a base to analyze the Communication Strategies and Learning Strategies used by the subjects of the current study to learn Malay language. Error Analysis Theory (1981) was used to obtain the relevant on Learning Strategies. Linguistic Environment describe as additional information about the factor that affect the existence of Interlanguage among the subjects under the study. Researcher had also used Behaviorism Theory (1978) during the realisation of effective teaching strategies in learning the Malay language as a second language. There were 28 Iban students year 4, one of the primary school in the area of Meradong, Sarawak chosen as the research subjects. They were pupils who learnt the Malay language as a second language. This study involved the library research method and field research method. Findings of the study were explained qualitatively. The findings indicated various communication strategies used by the subjects in the speaking skill as an effort towards the target language. Learning Strategy diversities were found in subjects essay writing through the error analysis by the researcher. Level of Interlanguage of the research can be determined by the researcher based on errors and test scores on the results of the subjects essay writing. Through questionnaires distributed, researcher can clarify the environmental factor that affect the learning of the second language by the research subjects. The findings of the objective one, objective two and objective three were used as a guidance by researcher to propose effective teaching strategies in learning Malay language as a second language in school. As a result Drama Technique and IsSam Method were proposed as a strategies for teaching and learning the Malay language as a second language in school studied. This research is important and beneficial to all parties whether the Ministry of Education, Institute of Teacher Education, Curriculum Development Division, teachers and parents to see the importance of learning strategy in learning strategy and mastering the trend of the trend of the Malay language.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, puji dan syukur saya rafa'kan terhadap Allah SWT kerana dengan taufik dan inayahNya saya dapat menyiapkan tesis Ph.D ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia saya, Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam yang selama ini banyak memberi tunjuk ajar, membantu, dan memberi semangat serta dorongan yang padu dalam menyelia penulisan tesis ini dari awal hingga sempurna. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Dr. Omrah bin Hassan@Hussin, dan Prof. Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin yang sudi menyelia dan memberi pandangan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, rakaman penghargaan ditujukan kepada Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Mua'ti @ Zamri bin Ahmad dan Timbalan Dekan Siswazah, Prof. Madya Dr. Ain Nadzimah binti Abdullah serta para pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi atas curahan ilmu yang tidak ternilai harganya.

Buat arwah ayahanda dan arwah bonda, terima kasih kerana menjaga dan mendidiku sehingga menjadi manusia yang berguna. Semoga roh kalian dicucuri rahmat. Kepada suami tercinta Amir bin Juhari dan anak-anak tersayang, Nur Fahada, Nur Fariha, Muhammad Firzan dan Nur Farisha terima kasih kerana memahami kesibukan dan sentiasa memberi dorongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang mengharungi suka duka dalam menamatkan pengajian. Buat kakak, abang dan adik tersayang terima kasih atas sokongan yang padu. Kini penat lelah sudah terbalas atas hendaknya. Alhamdulillah.

Sahabat handai, rakan taulan, sahabat seperjuangan, rakan-rakan yang lain diucapkan ribuan terima kasih kerana kerjasama, bantuan, dorongan dan semangat yang diberikan sepanjang pengajian ini dapat mengurangkan kesulitan dan kekangan dalam segala aspek. Perkongsian ilmu yang kita bina amatlah berharga buat kita.

Semoga segala usaha dan pengorbanan kita mendapat ganjaran yang sewajarnya di sisi Allah SWT, Amin Ya Rabba Al'Alamin.

Terima kasih buat semua.

NOOR ZILA BINTI MD. YUSUF

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 15 September 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Noor Zila binti Md. Yusuf bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood b. Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Ibrahim b. Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zulkifley Hamid, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 September 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy A/P Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Omrah bin Hassan@Hussin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hal milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut *Kaedah-kaedahUniversiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012*;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) diperlukan sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam *Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012*;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut *Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013)* dan *Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012*. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: NOOR ZILA BINT I MD. YUSUF, GS 31913

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PERHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Kedudukan Bahasa Melayu di Malaysia	1
Kepentingan Mempelajari Bahasa Melayu	4
Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua	5
Latar Belakang Kewujudan Bahasa Antara	6
Kepelbagaian Bahasa di Sarawak	8
Pernyataan Masalah	9
Persoalan Kajian	13
Objektif Kajian	13
Batasan Kajian	13
Kepentingan Kajian	14
Definisi Operasional	15
Bahasa Antara	15
Pembelajaran Bahasa	15
Bahasa Melayu	16
Bahasa Kedua	16
II SOROTAN KAJIAN	17
Kajian tentang Bahasa Antara	17
Kajian tentang Pembelajaran Bahasa Kedua	20
Perkaitan Sorotan Kajian dengan Kajian Pengkaji	25
III METODOLOGI KAJIAN	28
Reka Bentuk Kajian	28
Kerangka Teori	28
Teori Bahasa Antara	28
Teori Analisis Kesilapan	35
Teori Behaviourisme	35
Kerangka Konseptual Kajian	37
Kaedah Kajian	39
Kaedah Kepustakaan	39

Kaedah Kajian Lapangan	39
Tempat Kajian	41
Subjek Kajian	41
Alat Kajian	42
Keesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	42
Tatacara Kajian	43
Kajian Rintis	43
Kajian Sebenar	45
Penganalisan Data	45
IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	47
Demografi Subjek Kajian	47
Latar Belakang Pencapaian Akademik	50
Strategi Komunikasi dalam Pertuturan Pelajar yang Mempelajari BM Sebagai B2	53
Strategi Pengelakan	54
Strategi Rayuan Kerjasama	54
Strategi Parafrasa	60
Strategi Pembelajaran dalam Penulisan Pelajar yang Mempelajari BM Sebagai B2	64
Analisis Kesilapan sebagai Satu Strategi Pembelajaran	64
Taksonomi Strategi Pembelajaran	70
Strategi Penghilangan	72
Strategi Pemudahan	77
Tahap Bahasa Antara	84
Faktor Persekitan Linguistik yang Mempengaruhi Kewujudan BA	87
Latar Belakang Diri dan Keluarga	88
Latar Belakang Bahasa Keluarga Subjek Kajian	89
Latar Belakang Bahasa Perbualan di Rumah	91
Latar Belakang Tempat Tinggal	91
Latar Belakang Rakan dan Jiran	91
Strategi Berkesan dalam Pembelajaran BM sebagai B2	94
Penghasilan Strategi Pembelajaran BM sebagai B2	96
Teknik Drama sebagai Satu Strategi Komunikasi	97
Kaedah IsSam sebagai Satu Strategi Pembelajaran	108
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	120
Implikasi Dapatan Kajian	121
V RUMUSAN DAN CADANGAN	123
Rumusan	123
Cadangan	131
Cadangan Kajian Selanjutnya	133
RUJUKAN	135
LAMPIRAN	142
A : Contoh Transkripsi Rakaman	142
B : Contoh Soalan Ujian Karangan	148
C : Borang Soal Selidik	149
D : Soalan Temu bual	154
F : Contoh Rancangan Pengajaran Harian	161
BIODATA PELAJAR	163

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman	
4.1	Markah dan Gred Subjek Kajian	50
4.2	Jenis-jenis Strategi Pengelakan	58
4.3	Jenis Strategi Parafrasa	62
4.4	Analisis Jumlah Ayat Subjek Kajian	65
4.5	Jumlah Ayat Keseluruhan	67
4.6	Analisis Kesilapan Mengikut SPP1	76
4.7	Analisis Kesilapan Mengikut SPP2	83
4.8	Jumlah dan Peratus Strategi Pembelajaran	83
4.9	Simbol Penandaan Kesilapan Bahasa	85
4.10	Skema Pemarkahan Ujian Karangan	85
4.11	Markah Ujian Karangan dan tahap BA Subjek Kajian	86
4.12	Peratusan Tahap BA Subjek Kajian	86
4.13	Latar Belakang Diri dan Keluarga	88
4.14	Latar Belakang Bahasa Subjek Kajian	89
4.15	Langkah Pelaksanaan Sesi Pertama	101
4.16	Langkah Pelaksanaan Sesi Kedua	102
4.17	Langkah Pelaksanaan sesi Ketiga	103
4.18	Langkah Pelaksanaan Sesi Keempat	105
4.19	Langkah Pelaksanaan Sesi Kelima	106
4.20	Formula 1 : Kaedah IsSam	110
4.21	Formula 2 : Kaedah IsSam	111
4.22	Langkah-langkah Pengajaran Sesi Kedua	115
4.23	Langkah Pengajaran Sesi Ketiga	117
4.24	Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Pos	118
4.25	Tinjauan Keberkesanan Pengajaran Guru Menggunakan Kaedah IsSam	119

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Proses Bahasa Antara Selinker (1972)	29
3.2	Kerangka Teori Strategi Komunikasi Selinker (1972)	32
3.3	Kerangka Teori Strategi Pembelajaran	33
3.4	Tahap Bahasa Antara	34
3.5	Kerangka Teoritikal Kajian	37
3.6	Kerangka Konsepsi Kajian	38
4.1	Peratusan Pelajar SK Bukit Nibong Mengikut Kaum	47
4.2	Enrolmen Pelajar Iban SK Bukit Nibong	48
4.3	Peratusan Pelajar Tahun 4 dengan Peratusan pelajar Iban dan Melayu	49
4.4	Jumlah Murid Berdasarkan Gred	51
4.5	Peratusan Subjek Kajian Berdasarkan Pencapaian	52
4.6	Taksonomi Strategi Komunikasi	54
4.7	Jenis-jenis Strategi Pengelakan	58
4.8	Strategi Parafrasa	62
4.9	Kekerapan Penggunaan Strategi Komunikasi	63
4.10	Taksonomi Strategi Pembelajaran	71
4.11	Strategi Penghilangan	77
4.12	Strategi Pemudahan	83
4.13	Peratusan Strategi Pembelajaran	84
4.14	Peratusan Tahap BA Subjek Kajian	87
4.15	Bahasa Perbualan di Rumah	91
4.16	Latar Belakang Tempat Tinggal	92
4.17	Latar Belakang Rakan dan Jiran	92
4.18	Strategi Pembelajaran	95
4.19	Tatacara Penghasilan Strategi Pembelajaran BM sebagai B2	96
4.20	Perbandingan Ujian Pra dan Pos	119
5.1	Rumusan Dapatan Kajian	124

SENARAI SINGKATAN

BA	-	Bahasa Antara
B1	-	Bahasa Pertama
B2	-	Bahasa Kedua
BI	-	Bahasa Inggeris
BM	-	Bahasa Melayu
BMDS	-	Bahasa Melayu Dialek Sarawak
BMS	-	Bahasa Melayu Standard
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPR	-	Kumpulan Pencapaian Rendah
KPT	-	Kumpulan Pencapaian Tinggi
MBM	-	Memartabatkan Bahasa Melayu
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
SJK	-	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJKT	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	-	Subjek Kajian
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPP1	-	Strategi Penghilangan
SPP2	-	Strategi Pemudahan



© COPYRIGHT UPM

© COPYRIGHT UPM



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Bab ini memberikan tumpuan kepada latar belakang kajian yang lebih berfokus kepada perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian. Penghuraian berkaitan kepentingan mempelajari bahasa Melayu (BM), latar belakang kewujudan bahasa Antara (BA) dan kepelbagaian bahasa di Sarawak akan memberi gambaran awal tentang penyelidikan yang akan dijalankan. Seterusnya pengkaji akan menghuraikan pernyataan masalah yang timbul sehingga mencetuskan idea untuk pengkaji menjalankan kajian. Persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian turut dinyatakan dalam bab ini. Pengkaji juga turut membuat pendefinisian secara operasional untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang tajuk kajian.

Bahasa merupakan alat perhubungan manusia untuk menyampaikan keinginan dan kehendak serta meluahkan perasaan hati. Bahasa juga memainkan peranan penting dalam usaha mencapai matlamat tertentu dalam hidup, seperti memberikan sumbangan yang dominan dalam pengembangan kerjaya seseorang. Semua fungsi ini bukan sahaja didukung oleh bahasa ibunda atau bahasa pertama (B1), malahan sesetengahnya didukung oleh bahasa lain, iaitu bahasa kedua (B2). Pemerolehan B1 dan pembelajaran B2 saling berkaitan untuk mencapai hasrat ini. Aspek pengajaran dan pembelajaran BM merupakan aspek yang masih dibelenggu dengan pelbagai kelemahan dan ketidakpastian. Bahkan persoalan yang paling pokok dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah bagaimana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam proses memperoleh bahasa tertentu sama ada B1 atau B2. Pembelajaran B2 mengikut Eender (2008: 47), bukannya suatu proses yang automatik. Menurut beliau lagi, fenomena ini wujud kerana kemahiran B2 mereka tidak dikuasaisepenuhnya seperti B1 penutur tersebut. Wenden dan Rubin (1987), juga mengatakan bahawa pembelajaran bahasa juga merangkumi proses penyelesaian masalah yang menghendaki pelajar aktif supaya dapat mendalami input yang diterima. Pembelajaran B2 menurut Lightbown & Spada (2006), berlaku selepas seseorang telah menguasai satu sistem bahasa. Corder (1981), berpendapat bahawa penguasaan B1 merupakan sebahagian daripada selesainya proses kematangan kanak-kanak.

Kedudukan Bahasa Melayu di Malaysia

Bahasa ialah suatu sistem komunikasi dalam masyarakat dan sistem ini dikongsi oleh semua ahli masyarakat. Sistem yang dikongsi ini menjadi milik masyarakat berkenaan seperti yang dinyatakan oleh Asmah.

Bahasa tidak dapat dipisahkan daripada orang yang menuturkannya. Sungguhpun pengwujudan pertuturan itu adalah hasil kegiatan seseorang sebagai individu, tetapi bahasa tidak dapat wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka antara satu sama lain. Dengan ini dikatakan bahawa bahasa adalah hak milik bersama sekumpulan individu, bukan kepunyaan satu-satu individu tertentu (Asmah Hj Omar 1985:3)

Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai taraf pemerintahan sendiri, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan pada September 1955. Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan tujuan merangkakan suatu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang munasabah dan dapat diterima oleh rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Dasar itu membolehkan rakyat menegakkan satu bangsa yang bergerak maju dalam lapangan kebudayaan, ekonomi dan politik. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 yang dikenali dengan nama Penyata Razak, juga memperakukan BM sebagai Bahasa Kebangsaan. Daripada perakuan ini, ada tiga perkara yang hendak disampaikan oleh penyata itu :

- i. Semua sekolah di negara ini hendaklah menjadikan bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran yang mesti dipelajari .
- ii. Semua murid sekolah di negara ini hendaklah diberi peluang mempelajari bahasa Melayu.
- iii. Semua sekolah yang ingin mendapatkan bantuan daripada kerajaan hendaklah menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang dipelajari oleh semua murid di sekolah-sekolah itu.

Untuk melaksanakan tujuan ini jawatankuasa tersebut telah mencadangkan beberapa syor. Antara syor yang penting itu ialah :

- i. menubuhkan Maktab Perguruan Bahasa untuk melatih guru-guru supaya berkelayakan mengajar bahasa Melayu dan menjalankan penyelidikan dalam pengajaran bahasa Melayu.
- ii. semua murid yang hendak memasuki sekolah menengah bantuan kerajaan disyaratkan supaya mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang setaraf dengan pengetahuan bahasa Melayu yang dikuasai oleh murid Darjah 3 di Sekolah Melayu.
- iii. memberi galakan dan hadiah kepada sesiapa yang mencapai kebolehan menguasai bahasa Melayu pada peringkat yang ditetapkan.
- iv. mendirikan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi tujuan memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu.
- v. menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran penting dalam latihan perguruan.

Sumber : Penyata Razak 1956

Jawatankuasa ini telah mengesyorkan satu perubahan, iaitu semua sekolah yang menggunakan BM sebagai bahasa pengantar diberi nama sekolah umum dan yang menggunakan bahasa lain diberi nama sekolah jenis umum. Satu lagi perubahan besar yang telah dicadangkan oleh penyatatersebut ialah perubahan sekolah menengah aliran kebangsaan. Penyata Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960 lebih dikenali dengan nama Penyata Rahman Talib. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menyemak semula perakuan dalam Penyata Razak 1956, di samping mengemukakan syor untuk melengkapkan Penyata Razak dan menimbangkan perhubungan dasar pelajaran dengan kewangan negara khususnya, dan kedudukan negara ini amnya.

Tentang BM, Penyata Rahman Talib telah mengemukakan beberapa syor untuk menguatkan kedudukannya sebagai Bahasa Kebangsaan negara ini. Perkara penting yang disyorkan oleh penyata ini ialah :

- i. menetapkan tarikh mewajibkan kelulusan Bahasa Kebangsaan dalam peperiksaan kemasukan ke sekolah menengah dan menentukan tiap-tiap sekolah rendah bukan aliran Melayu mempunyai guru-guru berkelayakan yang mencukupi;

- ii. menetapkan tarikh mewajibkan kelulusan Bahasa Kebangsaan di peringkat yang sesuai bagi bakal guru-guru pelatih yang hendak memasuki maktab-maktab perguruan;
- iii. menggalakkan guru-guru yang berkelayakan mempelajari Bahasa Kebangsaan untuk membolehkan mereka mengajar dalam Bahasa Kebangsaan;
- iv. mengeluarkan lebih banyak buku dalam bahasa Melayu yang dikarang oleh pakar dalam sesuatu bidang atau menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu segala buku yang difikirkan perlu.

Sumber : Penyata Rahman Talib, 1960: 57-58

Penyata Rahman Talib telah mencadangkan supaya semua sekolah jenis kebangsaan Inggeris menggunakan BM sebagai bahasa pengantar. Tujuan utama cadangan ini ialah untuk meninggikan taraf BM, di samping meneruskan usaha menjadikan BM sebagai bahasa pengantar yang utama. Dengan itu jelaslah bahawa Penyata Rahman Talib berhasrat mengubah corak pendidikan di sekolah rendah. Semua jenis aliran bahasa sekolah rendah akan mula menggunakan sukatan pelajaran baharu dengan menggunakan bahasa pengantar BM. Namun begitu, dalam peperiksaan kemasukan ke sekolah menengah, murid masih boleh menggunakan bahasa pengantar asal sekolah masing-masing. Tetapi dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia, mereka wajib menggunakan bahasa pengantar BM dan bahasa Inggeris (BI) sahaja. Disebabkan Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa, dasar pendidikan negara Malaysia berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di pusat pengajian.

Dasar Pelajaran Kebangsaan, sebagaimana yang termaktub dalam Penyata Razak telah dilaksanakan pada 1957, dan dasar ini disokong oleh Penyata Rahman Talib pada 1961. Antara tahap penting dalam proses pelaksanaan ini ialah penubuhan sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (1963), pelaksanaan BM sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran khusus di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (1968), permulaan pelaksanaan berperingkat BM sebagai bahasa pengantar tunggal di sekolah rendah jenis kebangsaan (1971). Pada peringkat sekolah menengah, BM menjadi satu mata pelajaran pada 1957 dan tidak lama kemudian menjadi satu mata pelajaran dalam Sijil Peperiksaan Seberang Laut. Pada tahun 1970, dengan pengambilalihan Sijil Seberang Laut oleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), BM dijadikan mata pelajaran wajib bagi semua calon yang mengambil peperiksaan tersebut.

Sehingga kini, semua sekolah jenis kebangsaan menggunakan BM sebagai bahasa pengantar bagi kebanyakan mata pelajaran. Walaupun kabinet memutuskan bahawa, BI digunakan sebagai bahasa pengantar dalam mata pelajaran sains dan matematik, bermula pada 2002, akibat daripada desakan pihak tertentu namun, menurut Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, BM kekal sebagai bahasa pengantar di sekolah (Berita harian, Julai 2002).

Pada peringkat pengajian tinggi, pertukaran daripada bahasa Inggeris ke BM berlaku secara beransur-ansur pada tahun enam puluhan di beberapa buah maktab perguruan dan beberapa jabatan di Universiti Malaya. Pada tahun 1970, Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan, iaitu sebuah universiti tunggal yang menggunakan BM sebagai bahasa pengantar.

Keperluan Mempelajari Bahasa Melayu

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan lebih 50 tahun lalu, salah satu usaha dalam membangunkan ekonomi dan sosial negara ialah melalui bidang pendidikan. Pendidikan, ilmu serta pembacaan pula ialah tiga serangkai yang saling berkaitan antara satu dengan lain. Mata pelajaran BM merupakan mata pelajaran teras yang perlu dipelajari sama ada di Sekolah Kebangsaan mahupun di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Saranan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang mewajibkan para pelajar lulus mata pelajaran BM pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memperoleh sijil adalah amat baik untuk memartabatkan kedudukan BM di negara kita. Hal ini kerana BM bukan sahaja merupakan bahasa ibunda kita malahan merupakan bahasa utama yang sering diguna selain BI. Sehubungan dengan itu, asas utama dalam memartabatkan BM ini adalah dengan mewajibkan pengajaran BM bermula daripada sekolah rendah. Asmah Hj Omar (2008 : 35) mengatakan bahawa BM merupakan bahasa pendidikan. Bahasa pendidikan bermaksud bahasa yang telah mendapat tempat dalam kurikulum sekolah sebagai B1 atau B2.

Laporan Rahman Talib 1960 telah menyetujui beberapa syor dalam Penyata Razak untuk menjadikan BM sebagai mata pelajaran wajib di sekolah. Seterusnya jawatankuasa itu menyarankan:

Bahawa Bahasa kebangsaan itu hendaklah diajar mulai darjah 1 dalam semua sekolah rendah Cina, Tamil dan Inggeris sama ada sekolah bantuan, bantuan separuh atau sekolah-sekolah yang tersendiri. (Siti Hajar Abdul Aziz, 2009:74)

Sejarah pelaksanaan penggunaan BM adalah selari dengan sejarah kemerdekaan negara Malaysia. Sebagai sebuah negara merdeka, Malaysia mempunyai perlembagaan dan kedaulatannya. Dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 152 (1), terdapat satu ketetapan yang menyebut bahawa “ bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia ialah bahasa Melayu”. Bertitik tolak daripada ketetapan itulah maka kerajaan Malaysia telah bertindak merancang dan melaksanakan satu dasar pendidikan kebangsaan yang mengarah kepada pelaksanaan penggunaan BM dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, melalui pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Menurut laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, tahap permulaan pelaksanaan penggunaan bahasa Malaysia di sekolah bantuan kerajaan telah bermula pada 1957, iaitu setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Masalah penduduk Malaysia yang berbilang kaum telah menghasilkan sebuah laporan yang dikenali sebagai “Laporan Razak 1956” untuk merancang pembentukan satu dasar pendidikan kebangsaan bagi negara Malaysia yang merdeka. Laporan Razak mengandungi syor yang antaranya bahasa Kebangsaan, iaitu BM hendaklah dijadikan mata pelajaran wajib pada semua peringkat dan di semua jenis sekolah bantuan kerajaan.

Pengajaran mata pelajaran BM mencakupi aspek tatabahasa, pemahaman dan penulisan karangan. Pembelajaran BM menjadi penting kepada semua pelajar setelah KPM menyeragamkan pelaksanaan Pendidikan BM sebagai bahasa pengantar rasmi dalam sistem persekolahan di Malaysia mulai 1982. Melalui dasar ini, semua pelajar harus menduduki peperiksaan dengan menggunakan BM sebagai medium. Bagi pelajar bukan Melayu yang menggunakan BM sebagai B2, mereka tidak ada pilihan melainkan mempelajarinya secara formal di dalam kelas. Justeru, bentuk pengajaran yang

seimbang akan menyediakan pelajar dengan penggunaan bahasa yang betul agar mereka dapat menjadi pengguna bahasa yang berkesan dalam pelbagai situasi dan pelbagai tujuan penggunaan. Dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia, kelainan bahasa merupakan satu kekangan untuk pelajar mempelajari BM dengan baik. Dalam hal ini, Brumfit (1995:9) mengatakan, "Kita juga semakin sedar bahawa kelainan bahasa mempunyai kepentingan sosial". Pengetahuan bahasa yang seimbang akan membolehkan pelajar menghasilkan output bahasa yang mempunyai ciri kegramatisan, kewajaran dan berkesan dalam pelbagai situasi sosial untuk pelbagai tujuan.

Malaysia merupakan satu negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan setiap kaum ini mempunyai bahasanya yang tersendiri. Uniknyanya BM dipilih dan diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini, iaitu bahasa ini digunakan sebagai bahasa pengantar dan bahasa perantaraan masyarakat bagi semua kaum. Oleh itu, walaupun terdapat beberapa puluh jenis bahasa bumiputera atau bahasa tempatan yang dituturkan di seluruh pelosok tempat di negara ini, BM tetap digunakan sebagai bahasa perantaraan semua etnik masyarakat. Sesungguhnya, situasi ini mengangkat status BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua

Lado (1957) & Fries (1945) mengemukakan bahawa dalam proses pembelajaran B2, seseorang pelajar kerap melakukan kesilapan akibat daripada pengaruh bahasa ibundanya. Lado (1957) mengatakan bahawa seseorang pelajar sememangnya cenderung untuk memindahkan aspek B1 dalam B2 semasa mempelajari B2. Beliau juga mengatakan bahawa apabila satu pola struktural mempunyai fungsi, bentuk dan penyebaran yang sama dalam B1 dan B2, pembelajaran bahasa akan berlaku dengan senang kerana dapat memindahkan bahasa dengan mudah. Namun, keadaan yang sebaliknya akan berlaku apabila B1 dan B2 mempunyai fungsi, bentuk dan penyebaran yang berbeza. Keadaan ini akan menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran dan akhirnya kesilapan akan berlaku.

Md Khambari Manot (1991) mengatakan bahawa dalam pembelajaran B2, pelajar harus didedahkan kepada sejumlah latihan pemahaman yang banyak sebelum bersedia untuk bertutur. Beliau yang memetik Teori Pendekatan Respon Fizikal Total oleh Asher 1965, mengatakan bahawa kebanyakan orang, guru dan pelajar dewasa sesuatu bahasa asing percaya bahawa pelajaran bertutur dan prinsip tatabahasa harus memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran untuk menguasai sesuatu bahasa baharu. Pemahaman hanya memainkan peranan sampingan. Dalam pembelajaran bahasa secara implisit, peranannya adalah sebaliknya, latihan pemahaman dianggap penting sementara latihan bertutur dan prinsip tatabahasa ialah sampingan sahaja.

Matlamat kerajaan Malaysia menjadikan BM sebagai bahasa pengantar sepenuhnya daripada peringkat pengajian dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi, jelas terlaksana secara menyeluruh mulai 1983. Walaupun penggunaan BM sudah begitu meluas di dalam dan di luar sekolah, namun, sebahagian pelajar di negara ini masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka, khususnya masyarakat bukan Melayu. Dalam masyarakat yang berbilang kaum, didapati pelbagai bentuk kemahiran berbahasa muncul dalam kalangan pelajar sekolah yang lahir daripada pelbagai latar belakang. Sebagai contoh, kepelbagaian etnik kaum di Sarawak, menyebabkan terhasillah BM

yang berbeza dengan BM standard (BMS) yang dipanggil sebagai BM dialek. Di Sarawak, BM dialek ini disebut sebagai BM Dialek Sarawak (BMDS). Dalam penulisan, didapati bahawa terdapat banyak pengaruh dialek terhadap penghasilan BM standard. Guru yang mengajar mata pelajaran BM turut berdepan dengan masalah pelajar Iban yang sering berkomunikasi dalam bahasa Iban sepenuhnya semasa berada di dalam kelas. Jika aktiviti berkumpulan dilaksanakan, pelajar seperti ini lebih selesa menggunakan bahasa Iban kecuali setelah ditegur oleh guru. Jika guru yang mengajar BM berketurunan Iban, maka potensi menggunakan bahasa Iban di dalam kelas sangat tinggi. Perkara ini seharusnya perlu diberikan perhatian oleh guru. Untuk menarik minat pelajar menggunakan BM sepenuhnya, guru perlulah bijak menggunakan strategi pengajaran yang sesuai.

Didapati bahawa, penggunaan B1 di rumah dan pembelajaran B2 di sekolah ternyata membawa kesan yang menampakkan terbentuknya gangguan terhadap penghasilan bahasa dalam aspek tatabahasa dan sistem B2 yang dipelajari. Selain itu, fenomena pemindahan bahasa ini juga dilihat sebagai satu permasalahan yang perlu dibendung dan ditangani. Hal ini kerana, gangguan bahasa dalam penulisan karangan bukan sahaja dilakukan oleh pelajar sekolah rendah, malahan juga dilakukan oleh pelajar pada peringkat yang lebih tinggi lagi.

Dalam mempelajari BM sebagai B2, wujud gangguan daripada B1 yang diperoleh secara semula jadi. Galakan ibu bapa atau penjaga turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penguasaan BM yang baik oleh pelajar. Hal ini kerana, ibu bapa atau penjaga merupakan teras utama kecemerlangan seseorang pelajar itu untuk berjaya. Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan pengajaran dan nasihat kepada pelajar, terutama sekali untuk memupuk minat pelajar tersebut. Penggunaan bahan pengajaran yang berkesan boleh membantu pelajar mempelajari BM dengan mudah terutama dalam kalangan pelajar-pelajar B2. Penggunaan strategi pengajaran yang sesuai akan dapat membantu guru yang mengajarkan BM sebagai B2 memupuk minat pelajar mempelajari BM. Justeru, pembelajaran B2 perlu difikirkan terlebih dahulu dan dirancang sepenuhnya oleh guru berbanding dengan B1 yang diperoleh secara tidak formal. Pembelajaran harus berlaku dalam lingkungan sosial yang membolehkan bahasa kedua sering didengar dan dituturkan. Hal ini memerlukan latihan dan pengulangan sehingga menjadi tabiat atau kebiasaan. Guru juga perlu merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan dalam membimbing pelajar mempelajari BM sebagai B2.

Latar Belakang Kewujudan Bahasa Antara

Manusia memperoleh B1 secara semula jadi sejak dilahirkan dan dianggap sebagai bahasa ibunda. Apabila perkembangan pesat berlaku, manusia mula mempelajari B2 secara formal. Dalam proses mempelajari B2 ini, kadang-kadang berlaku pertukaran kod, pemindahan kod dan tidak kurang penting juga wujud sistem bahasa lain antara kedua-duanya. Bahasa yang wujud antara B1 dengan B2 ini disebut, bahasa Antara (BA). BA ialah peringkat peralihan daripada B1 kepada B2. BA bersifat sementara, sentiasa berubah-ubah, dan dibentuk oleh pelajar B2 semasa menuju penguasaan bahasa sasaran. Terminologi "*interlanguage*" mula diutarakan oleh Selinker (1992). Selinker menggunakan istilah bahasa Antara (*interlanguage*) untuk menerangkan peringkat peralihan daripada bahasa pertama kepada bahasa kedua. Ia merujuk kepada satu sistem linguistik tersendiri pelajar bahasa kedua yang berusaha untuk bertutur atau

menghasilkan bahasa sasaran. Oleh itu, sistem BA ini wujud di antara sistem bahasa penutur jati (*native language*) dengan sistem bahasa sasaran (*target language*).

BA ialah istilah yang digunakan dalam kajian pemerolehan dan pembelajaran B2. Bidang ini sangat berkait rapat dengan kajian yang melibatkan bahasa pertama B1 dan B2 yang tergolong dalam disiplin linguistik gunaan. BA juga dianggap sebagai bahasa yang tidak tergolong dalam B1 atau B2, tetapi bahasa ini berada antara kedua-dua bahasa tersebut. BA diucapkan secara spontan, bermakna dan bersistem serta mempunyai peraturannya yang tersendiri. Dengan kata lain BA ialah bahasa yang kedudukannya berada di tengah-tengah antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran yang sedang dipelajari (Nemser, 1971, Selinker, 1972). Oleh itu, BA mempunyai tatabahasa dan cirinya yang tersendiri (Corder, 1973).

Pengkaji yang bertanggungjawab memperkenalkan istilah BA (*Interlanguage*) ialah Selinker (1972, 1975, 1992). Pada ketika itu, istilah BA digunakan untuk merujuk jenis tatabahasa sementara, yang terbentuk semasa individu sedang berusaha untuk menguasai B2. Fenomena BA yang dimaksudkan ialah peringkat peralihan daripada B1 kepada B2. BA bersifat sementara, sentiasa berubah-ubah, dan dibentuk oleh pelajar B2 semasa menuju penguasaan bahasa sasaran. Melalui hasil tulisan beliau, Selinker merujuk kepada bahasa transisi yang terhasil daripada pemerolehan B2 kanak-kanak. Perkara ini berlaku apabila pembelajaran B2 berlaku tanpa kehadiran rakan sebaya yang merupakan penutur asli sesuatu B2 yang dipelajari itu. Selain itu, beliau juga merujuk istilah BA ini sebagai satu tatabahasa sementara yang terhasil semasa proses pembelajaran dan penguasaan B2 oleh kanak-kanak yang terlibat. Terdapat beberapa lagi istilah lain yang menghuraikan BA yang dikemukakan oleh beberapa orang pengkaji yang mengkaji bidang ini. Antaranya ialah Tarone (1988: 181) yang mengatakan bahawa BA merupakan satu kontinum yang berlangsung secara berterusan. Beliau berpendapat bahawa, semakin banyak tumpuan diberikan dan penutur lebih berhati-hati dan mengelakkan kesilapan berlaku, keadaan ini akan menyebabkan penutur melakukan lebih banyak kesilapan. Namun begitu, keadaan sebaliknya berlaku sekiranya pelajar B2 tidak terlalu menumpukan perhatian, iaitu tidak terlalu berhati-hati. Penutur tersebut akan semakin kurang melakukan kesilapan.

Selinker (1972) menekankan "struktur pendam psikologi", yang dapat digiatkan apabila orang dewasa mencuba melahirkan ujaran dalam B2 yang dipelajari. Struktur pendam psikologi ini mengandungi lima proses kognitif yang berlaku dalam BA. Lima proses yang dimaksudkan oleh Selinker ialah (a) pemindahan bahasa, (b) pemindahan latihan, (c) strategi pembelajaran, (d) strategi komunikasi, dan (e) generalisasi terlampau. Hipotesis BA menyarankan bahawa ujaran penutur B2 jarang menyamai atau menyerupai ujaran penutur natif dan berbeza daripada bahasa sasar secara sistematik. Hipotesis BA turut menyarankan bahawa data yang relevan bagi pemerolehan bahasa kedua haruslah dalam bentuk ujaran yang terhasil daripada usaha menjelaskan makna dalam B2.

Nemser (1971) merujuk BA sebagai satu devian B2, iaitu kecekapan transional atau sistem aproksimatif. Faerch (1983) pula merujuk BA sebagai satu sistem yang menerangkan kepelbagaian penggunaan bahasa pada tahap tertentu yang berlainan dalam proses pemerolehan bahasa. Beliau mengatakan bahawa, kajian BA yang dibuat adalah untuk mengkaji dan melihat hasil pembelajaran B2, iaitu kajian untuk mentakrif, menjelaskan serta mengkategorikan bahasa yang akan melibatkan analisis kesilapan. Ellis (1987) pula mengatakan bahawa BA ialah satu pengetahuan B2 yang sistematik

yang bebas daripada B1 dan bahasa sasaran. Beliau mengatakan bahawa BA digunakan secara berbeza tetapi mempunyai pertalian dan perkaitan makna yang berbeza-beza. Antaranya ialah BA sebagai satu sistem yang mencirikan pemerolehan bahasa, BA sebagai satu sistem yang memperhatikan tahap perkembangan bahasa dan juga sebagai satu bentuk bahasa yang bergabung dengan satu bahasa yang lain.

Corder (1973), menggunakan istilah kecekapan transional untuk merujuk kepada BA dengan mengatakan bahawa BA ialah satu ujaran yang tidak tepat yang terhasil apabila seseorang mempelajari B2. Dalam proses memperoleh B2, pelbagai kesilapan boleh berlaku oleh semua penutur. Oleh itu, kesilapan ini dinyatakan oleh Corder sebagai satu bukti yang dapat menunjukkan bahawa proses pembelajaran sedang berlaku. Selain itu, Corder turut mengatakan bahawa BA ialah satu sistem bahasa yang bersifat sistematik yang terhasil daripada kesilapan yang dilakukan dalam proses pemerolehan bahasa. BA yang dikaitkan dengan jenis tatabahasa sementara terdiri daripada tahap basilek, mesolek dan akrolek. Corder dan Allen (1979) menyebutnya prasistematik, sistematik dan pasca sistematik.

Pada tahap basilek (prasistematik), individu belum menghayati sistem B2. Kesalahan bahasa dilakukan secara rambang. Kadangkala individu menghasilkan struktur bahasa yang betul tetapi dia tidak dapat menerangkan sebab dia menggunakan sesuatu struktur bahasa atau membetulkan kesalahannya. Pada tahap mesolek (sistematik), kesalahan bahasa yang dilakukan oleh individu adalah tetap. Individu telah belajar peraturan B2 tetapi belum menguasainya. Apabila disuruh membetulkan kesalahan bahasanya, dia tidak dapat melakukannya tetapi sedikit sebanyak dapat menerangkan sebab dia menggunakan peraturan bahasa tertentu. Pada tahap akrolek (pasca sistematik), individu telah menghasilkan struktur bahasa yang betul tetapi masih tidak mapan. Individu telah dapat menghayati peraturan tatabahasa B2 tetapi kadangkala melakukan kesalahan kerana kurang prihatin atau terlupa. Apabila disuruh membetulkan kesalahan bahasanya, dia sedikit sebanyak dapat melakukannya dan dapat pula menerangkan peraturan tatabahasa yang digunakan.

Kepelbagaian Bahasa di Sarawak

Kepelbagaian etnik di Sarawak menyebabkan BM dianggap sebagai B2 kerana kebanyakan pelajar peribumi Sarawak menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai B1. Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia. Selain itu, jumlah bahasa yang digunakan di negeri Sarawak lebih kurang 30 atau 40 bahasa. Bahasa-bahasa ini dituturkan di seluruh negeri Sarawak (Asmah, 2004). Bahasa ini seperti BM, bahasa tempatan dan bahasa Cina. Bahasa suku kaum yang terbesar di negeri Sarawak dikenali sebagai Malayik (*Malayic*), yang terdiri daripada bahasa Iban. Bahasa Iban merupakan satu bahasa yang paling dominan dengan kumpulan etnolinguistik yang merangkumi setengah juta penutur. Bahasa Iban digolongkan sebagai Malayik sama seperti BM dan bahasa Selakau. Kumpulan yang lain adalah Bidayuh, Melanau, Kajang dan lain-lain. Di bahagian utara negeri Sarawak pula terdapat bahasa Kayan, Kelabit, Kenyah, Penan, Mirik dan Bintulu (Asmah, 2004). Mohd Sharifudin Yusop (2009) pula mengatakan bahawa di Sarawak terdapat 48 bahasa sukuan yang mewakili pelbagai etnik pribumi yang mempunyai pelbagai kelainan dari segi bahasa.

Selain bahasatempatan atau asli di negeri Sarawak, terdapat juga bahasa lain yang bukan tergolong dalam kumpulan ini, iaitu bahasa Cina. Bahasa Cina di Sarawak sama seperti bahasa Cina di Semenanjung Malaysia, iaitu Hokchiu (Foochow), Khek

(Hakka), Kantonis dan Hokkien. Penutur Hokchiu (Foochow) dan Khek (Hakka) adalah yang paling banyak jika dibandingkan dengan Kantonis atau Hokkien. Tentang masyarakat India di negeri Sarawak pula, mereka adalah kaum yang sangat kecil dan minoriti. BI juga penting di negeri Sarawak sebagai B2.

Berkaitan dengan perkara di atas, pelajar peribumi Iban (subjek dalam kajian), mempelajari BM sebagai B2 dalam masyarakat tersebut. B1 ialah bahasa Iban, iaitu bahasa ibunda mereka. Kaum Iban yang berjumlah 693,358 orang (30.3%) merupakan kaum bumiputera yang terbesar di Sarawak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Keadaan inilah yang menyebabkan bahasa Iban dipertuturkan dengan meluas oleh seluruh penduduk di negeri Sarawak. Di Daerah Meradong, (latar tempat kajian) kebanyakan penduduk yang mendiami daerah ini ialah kaum Iban. Jumlah penduduk Iban di daerah Meradong ialah sebanyak 12,322 orang dan merupakan jumlah terbesar berbanding dengan kaum lain di daerah ini (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Kebanyakan kaum Iban tinggal berkampung di rumah panjang yang kebiasaannya terletak di tebingan sungai dan di tepi jalan raya ini adalah bagi mempermudah aktiviti kerja, berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain. Amalan cara hidup yang diamalkan berlandaskan hukum adat, pantang-larang, tolak-ansur dan berteraskan perhubungan persaudaraan yang erat antara satu sama lain. Kebanyakan masyarakat Iban pada hari ini menerima agama Kristian sebagai pegangan hidup, tetapi dalam masa yang sama masih mengekalkan nilai adat resam dan ciri kebudayaan yang menjadi lambang tradisi masyarakat Iban.

Orang Iban mempunyai bahasanya sendiri iaitu bahasa Iban. Dalam hal ini, Cense dan Uhlenbeck (1958) telah menyifatkan bahawa bahasa Iban sebagai dialek kepada BM, dan hasil kajian Asmah Haji Omar (1981) mendapati bahawa kedua-dua bahasa itu lahir daripada rumpun bahasa yang sama, iaitu menganggotai rumpun Austronesia. Persamaan Bahasa Iban dan BM juga dilihat dari semua aspek seperti variasi, morfologi, sintaksis, fonologi dan kosa kata (Kamus Padat Dwibahasa Iban-Melayu, 2007) Walaupun keadaannya sedemikian, untuk mencapai tahap kecemerlangan dalam menguasai pembelajaran BM sebagai B2 dalam kalangan pelajar peribumi Iban di sekolah perlu diberi perhatian oleh guru atau ibu bapa kerana Briggs (1991) berpendapat, setiap pelajar disifatkan sebagai seseorang individu dan individu tersebut mempunyai gaya keunikan tersendiri. Justeru, masalah utama yang dihadapi oleh guru di sekolah kajian ialah berlakunya campur aduk antara bahasa Iban dengan BM semasa proses pengajaran dan pembelajaran BM berlaku.

Pernyataan Masalah

Dalam masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang bahasa di Malaysia, didapati pelbagai bentuk kemahiran berbahasa muncul dalam kalangan pelajar sekolah yang lahir dari pelbagai latar belakang. Apabila kanak-kanak melangkah ke alam persekolahan, BM menjadi bahasa pengantar dan wajib dipelajari dengan tidak mengira bangsa. Bagi pelajar yang mempelajari BM sebagai B2, pelajar ini mempunyai sistem bahasanya sendiri yang bukan merupakan sistem B1 dan sistem B2. Fenomena kedwibahasaan dan perubahan keutamaan B1 atau bahasa ibunda kepada BM atau bahasa sasaran merupakan ruang yang menarik untuk dikaji.

Di Malaysia, kepentingan kemahiran bertutur dalam sistem pendidikan tergambar melalui kedudukan kemahiran lisan dalam sukatan pelajaran BM Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4

umpamanya, memuatnya pelbagai aktiviti seperti memberikan arahan dan panduan, melafazkan pengucapan bertatasusila, mendeklamasikan puisi, menyampaikan pengucapan umum, menyoal untuk pelbagai tujuan, berbincang dan sebagainya (Huraian Sukatan Pelajaran, 2003). Pengajaran kemahiran lisan sangat mementingkan penguasaan aspek pertuturan untuk meningkatkan komunikasi dalam kalangan pelajar berbilang kaum dan etnik di Malaysia. Kemahiran bertutur perlu diberi perhatian agar murid dapat menguasai dengan baik dan seterusnya mampu menggunakan dengan berkesan dengan pelbagai tujuan. Dalam konteks persekolahan, interaksi lisan ini merupakan asas yang utama dalam pengajaran dan pembelajaran pelbagai mata pelajaran lain seperti Matematik, Sains, Kajian Tempatan, Sejarah, dan sebagainya. Dalam kata yang lain, interaksi lisan ini mendasari kebanyakan aktiviti persekolahan, meliputi pelbagai aktiviti pembelajaran, merentasi pelbagai mata pelajaran, (Roselan Baki, 2003).

Selain itu, pelaksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) merupakan kemuncak manifestasi kepentingan kemahiran bertutur dalam sistem pendidikan negara kerana semua murid yang menduduki peperiksaan SPM perlu lulus dalam ujian lisan tersebut sebagai sebahagian daripada Kertas BM. Kelemahan pertuturan lisan ini sama ada dari aspek sebutan, tekanan, kefasihan, laras bahasa, tatabahasa, intonasi, nada, atau kelancaran menyukarkan guru membuat aktiviti lisan dalam pengajaran BM. Oleh itu, pengkaji telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian dalam kalangan murid Iban Tahun 4 SK Bukit Nibong untuk melihat sejauhmana kelemahan pertuturan ini boleh mewujudkan BA sebagaimana yang berlaku dalam kajian Selinker dan Puteri Roslina. Antara contoh masalah pertuturan pelajar Iban dalam menggunakan BM adalah seperti yang berikut :

Murid A – *Cigu yang ku sayangi ialah Cigu Fiza. Cigu Fiza cikgu manah.*

Murid B – *Bahan membuat nasi lemak ialah pusuk. Nyamai amat nasi lemak cigu.*

Murid C – *Barangan bak kedai kami, pinsil, pengancam, ...*

Murid D – *Anang ragak amat..Nama bak arahan dituk cigu. Ngasuh ka peni?*

Sumber: Kajian Lapangan 2013

Masalah pertuturan yang dihadapi oleh pelajar B2 ini telah mendorong pengkaji untuk melihat kewujudan BA melalui strategi komunikasi yang diperkenalkan oleh Selinker. Selinker (1975), dalam kajiannya telah menggunakan hipotesis BA ke atas 10 orang kanak-kanak lelaki dan 10 orang kanak-kanak perempuan berbangsa Inggeris berusia 7 tahun yang mempelajari bahasa Perancis. Walaupun kanak-kanak tersebut telah mengikuti program bahasa Perancis di sebuah sekolah Inggeris di Kanada tetapi mereka masih mempelajari bahasa Perancis yang diajarkan oleh penutur natif bahasa Perancis. Dapatan kajian beliau menunjukkan, pada penghujung gred satu, kanak-kanak tersebut telah menggunakan bahasa Perancis semasa bercakap dengan guru atau rakan sekelas, tetapi apabila berada di luar kelas mereka tidak menggunakan bahasa Perancis. Hal ini menunjukkan bahawa kehadiran penutur natif sangat penting untuk melihat proses BA yang berlaku. Puteri Roslina (1999) cuba memperluas hipotesis Selinker ke atas kanak-kanak prasekolah berumur antara 5 hingga 6 tahun dalam mempelajari Bahasa Inggeris sebagai B2 telah melihat wujudnya lima proses BA Selinker walaupun tanpa kehadiran penutur natif. Untuk menjawab persoalan kajian yang pertama, pengkaji memperluas kajian terhadap pelajar sekolah rendah berumur 10 tahun yang mempelajari BM sebagai B2, untuk melihat masih wujudkah proses BA

Selinker semasa pelajar bertutur dan berkomunikasi dalam BM setelah melalui tempoh pembelajaran B2 selama 3 tahun. Dengan adanya penutur natif, adakah hipotesis Selinker boleh diperluas kepada pelajar berumur yang berumur 10 tahun yang menjadi subjek kajian.

Kepelbagaian etnik kaum di Malaysia, menyebabkan terhasillah bahasa sukuan yang berbeza-beza bagi setiap etnik. Malah BMDS pula menjadi bahasa komunikasi yang sudah tentunya berbeza dengan BMS. Oleh itu, pelajar di Sarawak menghadapi masalah berkaitan dengan morfologi dan sintaksis dalam BMS. Kesilapan yang berlaku semasa menulis karangan berpunca daripada pengaruh dialek dan bahasa ibunda pelajar B2. Fenomena yang berlaku dalam kalangan pelajar B2 ini mendorong pengkaji untuk mengkaji dan menyelidik fenomena tersebut dengan lebih mendalam. Didapati bahawa, penggunaan B1 di rumah dan pembelajaran B2 di sekolah ternyata membawa kesan yang menampakkan terbentuknya gangguan terhadap penghasilan bahasa dan sistem B2 yang dipelajari. Berdasarkan beberapa artikel, contohnya kajian Noor Aina Dani (1996) berkenaan dengan pemindahan bahasa dalam karangan dan pertuturan BM pelajar B2 di Sabah, didapati memang terdapatnya pengaruh dialek dalam penulisan pelajar di Sabah. Gangguan bahasa dalam penulisan karangan ini bukan sahaja dilakukan oleh pelajar sekolah rendah malahan juga dilakukan oleh pelajar pada peringkat yang lebih tinggi lagi. Kesilapan dalam penulisan karangan pelajar yang mempelajari BM sebagai B2 dilihat sebagai satu masalah yang perlu dibendung. Arulnathan (2013) mengkaji analisis kesilapan dalam kalangan pelajar melalui ayat yang dibina. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa wujud kesilapan yang pelbagai dalam kalangan subjek kajian. Bagi sesetengah pengkaji, kesilapan yang berterusan ini boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran BM sebagai B2. Justeru, pengkaji menjadikan analisis kesilapan ini sebagai sesuatu yang menarik untuk dikaji dengan melihat proses BA yang digunakan oleh pelajar B2 semasa menulis karangan. Melalui analisis kesilapan strategi pembelajaran B2 dan tahap BA pelajar dapat dikenal pasti. Akhirnya masalah ini dapat dibendung melalui strategi pembelajaran yang dirancang dengan berkesan. Berdasarkan kajian yang pernah dijalankan, kajian ini akan memfokuskan bidang BA yang terhasil dalam proses pembelajaran dan penguasaan BM sebagai B2 bagi subjek kajian yang dipilih. Justeru, untuk menjawab persoalan kajian yang kedua, pengkaji memperluaskan kajian dengan memberikan tumpuan kepada strategi pembelajaran yang digunakan oleh subjek kajian dalam bidang sintaksis, iaitu melalui penulisan karangan.

Faktor yang mempengaruhi pembelajaran BM sebagai B2 merupakan satu permasalahan dalam kalangan pelajar yang mempelajari BM sebagai B2. Dalam mempelajari BM sebagai B2, wujud gangguan daripada B1 yang diperoleh secara semula jadi. Gangguan tersebut dilihat berbentuk pengaruh daripada unsur persekitaran linguistik seperti pendedahan dan penggunaan bahasa oleh pelajar tersebut serta sikap pelajar terhadap bahasa yang dipelajari. Chew Fong Peng dan Abdul Jalil Othman dalam Sosiohumanika, (2008) mengatakan bahawa lingkungan keluarga individu amat mempengaruhi corak kehidupan seseorang pelajar. Persekitaran linguistik ialah lingkungan di mana pelajar itu tinggal, dalam bentuk masyarakat dan individu serta suasana politik tentu sekali akan dapat juga membantu pencapaian dalam mempelajari bahasa. Pengkaji mendapati bahawa pelajar Iban yang dibesarkan dengan lingkungan bangsa mereka sendiri kurang yakin semasa bertutur dalam BM. Pengkaji menyifatkan pelajar ini tidak hidup dalam lingkungan yang sihat untuk belajar BM terutama dari aspek pertuturan. Nathesan (1995) menjelaskan bahawa bahasa sememangnya mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat penutur sesebuah bahasa tersebut.

Tambah beliau lagi, kajian terhadap bahasa tidak dapat dilakukan tanpa mengaitkannya dengan masyarakat yang menjadi penuturnya.

Kajian Alice Alim (2010, 2011) mendapati bahawa pemerolehan B2 pelajar sangat berkait rapat dengan faktor persekitaran linguistik. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, beliau mendapati bahawa pemerolehan dan penguasaan bahasa seseorang pelajar sangat berkait rapat dengan latar belakang ibu bapa pelajar, pengaruh rakan sebaya, jantina, tingkat ekonomi dan kedwibahasaan. Dalam kajian ini, pengkaji melihat perkaitan antara persekitaran linguistik dengan proses pemerolehan bahasa dalam menghasilkan BA. Faktor persekitaran linguistik ini merupakan input tambahan kepada kajian BA. Setiap individu yang mempelajari B2 dengan cara yang berlainan, di samping adanya perbezaan yang ketara dari segi personaliti dan persekitaran. Pada hakikatnya, kanak-kanak dan orang dewasa akan mengalami keadaan yang hampir sama dalam proses mempelajari B2. Minat terhadap BM perlu dipupuk semenjak kecil lagi kerana, seseorang yang mempunyai minat yang mendalam terhadap sesuatu bidang atau bahasa maka, orang itu tidak akan menghadapi sebarang kesukaran untuk menguasai bidang yang diminatinya. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan bahasa seseorang. Justeru, untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga, pengkaji akan melihat adakah faktor persekitaran linguistik masih merupakan faktor penyebab kepada kesukaran pembelajaran BM sebagai B2 dan adakah faktor tersebut memberi kesan terhadap kewujudan BA.

Penggunaan strategi dan bahan pengajaran yang berkesan boleh membantu pelajar mempelajari BM dengan mudah, terutama dalam kalangan pelajar B2. Kelemahan strategi pengajaran yang berkesan menyebabkan pelajar kurang berminat meneruskan pembelajaran dalam suasana yang membosankan. Justeru, usaha perlu dilakukan untuk mempelbagai bahan pembelajaran sedia ada bagi menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Krishnan (1998) telah menjalankan penyelidikan yang agak berbeza dengan penyelidik lain. Penyelidikan beliau merangkumi penghasilan sebuah modul cerita pendek (cerpen) dan nilai moral BI sebagai bahasa kedua (ESL) untuk pelajar tingkatan empat. Beliau mengadaptasikan pendekatan komunikatif sebagai salah satu strategi dalam pembelajaran bahasa kedua. Noor Hayati Che Mat (2011) telah menghasilkan modul olahan aktiviti pelbagai deria berfokuskan kanak-kanak disleksia sebagai salah satu strategi untuk menarik minat kanak-kanak disleksia mempelajari BM. Hal ini memberi idea kepada pengkaji untuk menghasilkan sesuatu bagi membantu pelajar B2 mempelajari BM. Walaupun pelbagai strategi pengajaran telah diperkenalkan untuk membantu pelajar mempelajari bahasa, namun strategi pengajaran BM sebagai B2 kurang diberikan perhatian. Pengkajiterdahulu kurang memberi tumpuan kepada kaedah atau strategi khusus untuk pelajar yang mempelajari BM sebagai B2. Walaupun kajian terdahulu membincangkan proses dan tahap BA secara rinci, namun kelompangan yang wujud ialah tiada pengkaji yang mencadangkan strategi mudah untuk pelajar mempelajari BM sebagai B2. Keadaan ini telah menetuskan idea kepada pengkaji untuk menghasilkan satu strategi pembelajaran pada akhir penyelidikan ini iaitu untuk menjawab persoalan kajian yang keempat. Hasil dapatan kajian daripada objektif 1 hingga 3, memberikan maklumat kepada pengkaji untuk menghasilkan strategi pembelajaran dengan memberi fokus kepada pembelajaran BM sebagai B2. Justeru, guru boleh menggunakan strategi tersebut sebagai salah satu bahan pembelajaran agar penguasaan BM lebih baik. Dengan adanya strategi yang mudah digunakan ini juga dapat membantu guru yang mengajar BM sebagai B2 mempelbagai strategi pengajaran kerana penggunaan strategi yang sama akan menjadikan pelajar kurang berminat untuk belajar.

Persoalan Kajian

- i. Apakah strategi yang wujud dalam pertuturan pelajar yang mempelajari BM sebagai B2?
- ii. Apakah strategi yang wujud dalam penulisan pelajar yang mempelajari BM sebagai Bahasa B2?
- iii. Adakah faktor persekitaran linguistik mempengaruhi kewujudan BA dalam kalangan pelajar B2?
- iv. Apakah strategi yang dapat membantu pelajar B2 mempelajari BM sebagai B2?

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti strategi komunikasi dalam pertuturan pelajar yang mempelajari BM Sebagai B2.
- ii. Menganalisis strategi pembelajaran dalam penulisan pelajar yang mempelajari BM Sebagai B2
- iii. Menjelaskan faktor persekitaran linguistik yang mempengaruhi kewujudan BA dalam kalangan pelajar B2.
- iv. Menghasilkan strategi berkesan dalam pembelajaran BM sebagai B2

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan mengambil sampel kajian daripada sebuah sekolah rendah luar bandar yang terletak di Daerah Meradong, Sarawak. Sekolah yang terlibat ialah sekolah yang mempunyai pelajar yang belajar BM sebagai bahasa kedua. Sebanyak 28 orang pelajar Iban yang mempelajari BM sebagai B2 dan menuntut di kelas tahun empat dipilih menjadi subjek kajian. Pengkaji hanya menganalisis kesilapan yang terdapat dalam pertuturan dan penulisan para pelajar. Pengkaji juga akan menggunakan borang soal selidik untuk mengkaji faktor persekitaran linguistik. Kajian ini dibataskan kepada strategi yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran BM sebagai B2. Pengkaji menggunakan sampel kajian daripada sebuah sekolah sahaja memandangkan pengkaji hanya mengenal pasti dan menganalisis proses BA yang wujud dalam pertuturan dan penulisan pelajar dan bukannya membuat perbandingan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bagi setiap sekolah. Oleh sebab itu jumlah subjek kajian adalah kecil. Othman Lebar (2009) mengatakan bahawa, dalam kajian kualitatif, saiz sampel tidak dapat ditentukan dari awal kajian. Pemilihan sampel dan analisis data adalah berterusan hingga sampai ke satu tahap, iaitu tidak lagi ditemukan maklumat yang baharu atau maklumat yang diperoleh sudah bertindan dengan maklumat yang diperoleh sebelum ini. Glaser dan Strauss (1967) menyebutnya sebagai titik ketepuan. Batasan kajian juga melibatkan perkara berikut yang berkaitan dengan objektif kajian, iaitu:

- i. strategi komunikasi yang digunakan dalam pertuturan pelajar B2
- ii. strategi pembelajaran dan analisis kesilapan dalam penulisan karangan pelajar B2 yang mengandungi ayat tunggal dan ayat majmuk.
- iii. faktor persekitaran linguistik yang mempengaruhi pembelajaran BM sebagai B2.

- iv. strategi berkesan dalam pembelajaran BM sebagai B2.

Pengkaji hanya menganalisis pertuturan dan penulisan pelajar untuk mengkaji strategi komunikasi dan strategi pembelajaran dalam kalangan pelajar B2. Pengkaji juga akan menggunakan borang soal selidik untuk mengkaji faktor persekitaran linguistik yang mempengaruhi pembelajaran B2. Kajian ini juga dibataskan kepada cadangan strategi lisan dan tulis dalam pembelajaran BM sebagai B2.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk menambah bilangan kajian yang sedia ada dalam bidang psikolinguistik, iaitu berkaitan pemerolehan B2 pelajar. Penyelidikan ini mempunyai beberapa faedah dan kepentingan untuk dikaji dan dijadikan bahan tatapan oleh pelajar, guru, pensyarah dan pengkaji bahasa. Antara kepentingan kajian tersebut ialah:

- i. Fenomena BA ini mempunyai kepentingan kepada guru dan pelajar dalam memastikan pembelajaran B2 dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar. Pembelajaran B2 perlu difikirkan terlebih dahulu dan dirancang sepenuhnya oleh guru berbanding dengan B1 yang diperoleh secara tidak formal. BA membekalkan maklumat tambahan kepada guru tentang strategi yang digunakan oleh pelajar untuk menuju kepada bahasa sasaran.

- ii. Pembelajaran harus berlaku dalam lingkungan sosial yang membolehkan bahasa kedua sering didengar dan dituturkan. Hal ini perlu dilakukan secara formal, banyak memerlukan latihan dan pengulangan sehingga menjadi tabiat atau kebiasaan. Oleh itu, kajian tentang BA merupakan perkara yang penting untuk melihat sejauh mana penggunaan BA ini merupakan faktor penyumbang ke arah pencapaian bahasa sasaran melalui strategi yang digunakan.

- iii. Penyelidikan ini juga dapat membantu pihak tertentu, terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia, dalam mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pemerolehan B2 dalam kalangan pelajar. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan dalam kajian ini juga dapat membantu guru mempelbagaikan strategi pengajaran selaras dengan apa yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

- iv. Kajian ini juga mampu membekalkan maklumat kepada pengkaji bahasa, pensyarah dan guru-guru BM tentang kesilapan yang kerap dilakukan oleh pelajar bahasa kedua ketika mempelajari bahasa Melayu. Hasil penyelidikan boleh digunakan untuk rujukan ilmu bagi pelajar, guru, pensyarah dan masyarakat umum.

Secara amnya kajian ini penting kerana pelajar yang mempelajari BM sebagai B2 sering melakukan kesilapan dalam pertuturan dan penulisan mereka akibat pengaruh bahasa ibunda. Dengan adanya kajian BA, maka membuktikan bahawa pelajar berkenaan bukan melakukan kesilapan tetapi telah mewujudkan satu sistem bahasa yang lain iaitu BA. Secara tidak langsung pelajar berkenaan dapat membincangkan perkarayang lebih luas dan mengemukakan idea yang lebih bernas semasa aktiviti perbincangan di dalam kelas. Walau bagaimanapun kajian ini hanya meneliti tentang

BA dalam kalangan pelajar Iban yang mempelajari BM sebagai B2 dan bukannya dalam kalangan pelajar subetnik yang lain.

Definisi Operasional

Bahasa Antara

BA atau dalam BIdikenali sebagai 'interlanguage'. Selinker (1992) mencipta istilah ini dengan merujuk kepada bahasa transisi yang biasa lahir daripada pemerolehan bahasa kanak-kanak secara urutan dengan variabel sosiolinguistik utamanya ialah ketidakhadiran rakan sebaya yang merupakan penutur asli bahasa sasar. Sekiranya pemerolehan tersebut tidak dikawal selia, sistem bahasa tersebut akan menjadi dialek dalam bentuknya tersendiri (Puteri Roslina, 2004). Nemser (1971) Ellis (1985) menghuraikan BA sebagai pengetahuan B2 yang sistematik dan bebas daripada B1 dan B2. Puteri Roslina (2004) mendefinisikan BA sebagai bahasa yang tidak tergolong dalam B1 dan tidak juga tergolong dalam B2, dan bahasa ini berada antara kedua-dua bahasa tersebut. Noor Aina Dani (1999) mendefinisikan BA sebagai tatabahasa sementara, yang terbentuk semasa pelajar kaum Dusun sedang berusaha mempelajari BM baku. Dalam kajian ini, BA dirujuk sebagai bahasa perantaraan yang wujud semasa pelajar Iban mempelajari BM sebagai B2. Tatabahasanya sementara dan mempunyai ciri tersendiri yang terbentuk semasa pelajar mempelajari bahasa sasaran, iaitu bahasa Melayu Baku.

Pembelajaran Bahasa

Lightbrown dan Spada (2003:176) mendefinisikan pemerolehan bahasa sebagai istilah yang sering dikaitkan dan digunakan dengan pembelajaran bahasa. Walau bagaimanapun, kedua-dua tokoh bahasa ini memetik definisi yang telah dikemukakan oleh Krashen. Krashen terkenal dalam kalangan tokoh bahasa dengan pendapatnya yang membezakan unsur pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa. Menurut Krashen (1982), pemerolehan dapat dilihat sebagai proses pembelajaran ketidaksedaran. Fenomena ini dapat dikaitkan apabila tumpuan lebih dititikberatkan pada perbandingan bentuk bahasa. Selain itu, sistem bahasa dan kesalahan bahasa tidak mempengaruhi atau mengganggu proses ini. Dalam erti kata lain, seseorang individu tidak dimaklumkan sistem bahasa atau kesalahan yang telah dilakukan apabila mereka menuturkan sesuatu bahasa. Proses ini lebih mementingkan maksud, iaitu isi dan intipati sesebuah mesej yang hendak disampaikan. Sebaliknya, pembelajaran bahasa dilihat sebagai satu proses pembelajaran kesedaran. Hal ini bererti penutur atau pelajar bahasa mengetahui sistem bahasa dan kesalahan bahasa yang dilakukan.

Hartmann dan Stork (1973:125) mentakrifkan pembelajaran bahasa sebagai satu proses manusia memperoleh bahasa ibunda atau bahasa asing. Kedua-dua tokoh bahasa ini berpendapat bahawa kelajuan manusia melalui proses pembelajaran bahasa dapat dilakukan menerusi usaha memilih, mengred dan menyusun sistem fonologi, tatabahasa dan bahan leksikal secara tersusun. Crystal (1987:368) mendefinisikan pemerolehan bahasa sebagai situasi pembelajaran semulajadi manakala pembelajaran pula didefinisikan sebagai mempelajari bahasa di bilik darjah bersama seorang guru bahasa. Oleh itu, pembelajaran bahasa ialah satu proses mendapatkan maklumat bahasa sama ada secara tidak formal atau formal. Pembelajaran secara tidak formal boleh berlaku di mana sahaja dan dengan siapa sahaja, manakala pembelajaran formal perlu mempunyai

guru dan tempat khusus agar proses pembelajaran lebih sistematis. dalam konteks kajian ini pembelajaran bahasa bermaksud pembelajaran BM sebagai B2.

Bahasa Melayu

BM merupakan bahasa yang dituturkan oleh orang Melayu sebagai bahasa pertama. Menurut Ismail Hussein (1984), BM mempunyai sejarahnya sejak beratus-ratus tahun yang lalu, iaitu dari zaman Kerajaan Melayu Srivijaya pada abad ke-7 Masihi. BM dalam konteks kajian ini merupakan B2 yang dipelajari oleh pelajar Iban di sekolah rendah. Abdullah Hassan (1997:199) mengatakan BM ialah bahasa yang menjadi bahasa Malaysia sejak peristiwa 13 Mei 1969 untuk menghilangkan konotasi perkauman bahawa BM itu hanya kepunyaan orang Melayu. Artikel 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, menjelaskan “Bahasa kebangsaan negara ini ialah Bahasa Melayu ...” (Abdull Sukor Shaari (2003). BM ialah bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, dan merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari pada peringkat sekolah rendah. Hari ini, BM boleh menjadi bahasa kebangsaan, bahasa ilmu, bahasa perpaduan dan bahasa komunikasi (Abdull Sukor Shaari, (2003). Dalam kajian ini, BM merujuk kepada bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan juga mata pelajaran BM perlu dipelajari pada peringkat sekolah rendah. (Sukatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah, KPM 2003) dan merujuk kepada B2 yang dipelajari oleh pelajar peribumi Sarawak di Sekolah Kebangsaan.

Bahasa Kedua

B2 ialah bahasa yang diperoleh selepas seseorang penutur itu menguasai B1 yakni bahasa ibunda masing-masing. Kebiasaannya bahasa kedua diperoleh melalui pembelajaran formal di sekolah. Lightbrown dan Spada (2003:178) mengaitkan B2 dengan keadaan seseorang mempelajari sesuatu bahasa dan menggunakan bahasa tersebut dalam sesebuah kelompok masyarakat. Hartmann dan Stork (1973: 201 pula telah menyamakan B2 dengan bahasa asing. Mengikut Zulkifley Hamid (1994:70), pemerolehan B2 berbeza daripada B1 kerana penguasaannya tidak berlaku secara semulajadi tetapi didorong oleh pelbagai motif seperti pemencilan, memajukan kerjaya, meningkatkan ilmu pengetahuan dan sebagainya. Zulkifley Hamid juga tidak menafikan bahawa, bahasa kedua juga mampu dikuasai melalui interaksi tidak formal, asalkan seseorang itu masih belum melampaui tempoh kritikalnya.

Crystal (1987:368) mengatakan bahawa bahasa kedua bukan bahasa natif, namun, B2 digunakan secara meluas untuk berkomunikasi, terutama sebagai medium pendidikan, pentadbiran dan pengurusan. Berdasarkan kenyataan tersebut, Crystal (1987) mendapati bahawa terdapat satu keistimewaan tentang definisi ini, iaitu beliau telah menakrifkan B2 sebagai bahasa yang kerap digunakan untuk berkomunikasi. Selain itu, Crystal (1987) juga mengemukakan satu lagi definisi, iaitu B2 juga merupakan suatu istilah yang merujuk kepada masyarakat di mana bahasa ibunda mereka ialah bahasa minoriti. Oleh itu, dalam kajian ini, B2 yang dimaksudkan ialah BMS yang perlu dikuasai oleh pelajar Ibandi daerah Meradong, Sarawak yang mempelajari BM sebagai B2.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (1999). *Kuasai Bahasa Anda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1997). *Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-esei Lain*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan. (1987a). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1987b). *Isu-Isu Perancangan Bahasa : Perintelektualan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, Seri Lanang jaya, Razali Ayob, Zulkifli Osman(2006). *Sintaksis Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Isha Awang (2003). *Bahasa Melayu Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Napiah. (1987). *Drama Moden Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adenan Ayob, Khairuddin Mohamad, (2012). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Adenan Ayob. (2010). Prosiding Bahasa, Pemikiran dan Integrasi Faktor-faktor Manusia Menggunakan Bahasa: Satu Analisis Teori. Persatuan Psikolinguistik Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.
- Adjemian, C. (1976). On The Nature of Interlanguage Systems. *Jurnal Language Learning* 26:297-320.
- Adrian Yao Yong Tat .(2007). *Strategi Pembelajaran Bahasa metakognitif Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing oleh pelajar-pelajar Asing*. Disertasi Ijazah Sarjana. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Malaysia.
- Alice Alim. (2010). *Bahasa Antara dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Disertasi Ijazah Sarjana. Akademi Pengajian Melayu . Universiti Malaya, Malaysia.
- Alice Alim.(2011). Prosiding Persidangan Linguistik ASEAN V, Warna-warni Linguistik ASEAN: Penyelidikan dan Pemantapan Korpus Ilmu, *Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Kedua*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ambigapathy Pandian, Tan, S.S.B, dan Abdul Malik Mohd. Ismail.(2011). *Teaching and Learning Language: Current Trends and Practices*. Geogre Town: Universiti Sains Malaysia.
- Amir Juhari, Noor Zila Md. Yusuf. (2012a). *Pengajaran Tatabahasa Melayu di IPG*. Kuala Lumpur: PTS Akademia
- Amir Juhari, Noor Zila Md. Yusuf. (2012b). Prosiding PMIOL 2012 : *International Seminar of Pedagogy of Malay, Indonesian and Other Languages*. Bandung: UPI
- Aminah Mamud. (1996). *Strategi Komunikasi pelajar-pelajar Melayu dalam Pertuturan Bahasa Ingeris*. Tesis Ijazah Sarjana. Pengajian Bahasa Moden Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ananda Kumar Palaniappan (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Arpan Shahbudin Latip (1998). *Bahasa Melayu: Kesilapan Tatabahasa Satu Analisis*. Shah Alam: Penerbit Fajar bakti Sdn. Bhd.

- Arulnathan A/L Visurasam. (2013). *Analisis Kesilapan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua oleh Pelajar India: Strategi Pemelajaran dan Pemanduan Bahasa*. Tesis Ijazah Dr. Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ashinida Aladin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies Volume 12(2)*.
- Asmah Haji Omar. (1981). *The Iban Language of Sarawak :A Gramatical Description*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Languages of Sarawak*. In *The Encyclopedia of Malaysia Volume 9* (pp. 30-31). Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Asmah Haji Omar. (2008a). *Nahu Kemas Kini Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Asmah Haji Omar. (2008b). *Kaedah penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008c). *Ensiklopedia Bahasa Melayu..* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi ke-5)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Batik Anak Bidin .(2011). *Stail Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Peribumi Sarawak*. Tesis Ijazah Dr. Falsafah. Universiti Putera Malaysia, Kuala Lumpur.
- Bialystok, E (1990). *Communication Strategies : A Psychological analysis of second language use*. London: Blackwell.
- Berg, B. L. (2004). *Qualitative research methods for the social sciences*. (ed. Ke-5). Boston: Pearson Education.
- Bot, K.D., Lowie, W.,& Verspoor, M. (2005) *Second Language Acquisition*. New York : Routledge.
- Briggs, G.G., & Nebes, R.D. (1975). Patterns of hand preference in students population. *Cortex*, 11. 230-238.
- Briggs, Jean L. (1991) *Mazes of Meaning : The exploration of Individuality in Culture ang Through Individual Construct, in The Psychoanalytic Study of Society*, Vol 16. Hillsdale, N.J Analytic Press.
- Brown, H.D. (2000). *Principles Language Learning and Teaching (4th ed)*. New York: Longman Inc.
- Brumfit, C. (1995). *Language Education in the National Curriculum*. Oxford: Blackwell Publisher.
- Bryman, A. & Bell, E. (2003). *Business research methods*. Oxford: Oxford University Press.
- Cense, A. A.& Uhlenbeck, E.M. (1958). *Critical Survey of Studies on the Language of Borneo*. The Hague Gravenhage – Martimus Nijhoff.
- Che Radziah Bte Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Ijazah Dr. Falsafah .Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chew Fong Peng, Abdul Jalil Othman (2008). Pengabaian Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam Bilik darjah di Sekolah Menengah : Punca, masalah dan Kesannya di Malaysia, *Jurnal Sosiohumanika 1 (1)167-187*.
- Corder S.P. (1967). *The Significance of Learner's Error*. IRAL, 5(4), 161-170.
- Corder, S. Pit. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Penguin Books Ltd.

- Corder, S. Pit. dan Allen, J.P.B (1979). *Techniques in Applied Linguistics*, Vol 3: Oxford: Oxford University Press.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Corder, S. Pit (1983). *Strategies of Communication* dlm C. Faerch & G. Kasper (Ed), *Strategies in interlanguage communication* (9),15-19 London : Longman.
- Crystal, D. (1987). *The Cambridge Encyclopedia of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Crystal, David (1991) *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Oxford: Blackwell.
- Crystal, David (1987) (1992) *An Encyclopaedic Dictionary of Language and Languages*. Oxford: Blackwell.
- Crystal, David (1987) *The Cambridge Encyclopaedia of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Diemroh Ihsan.(1998). . Prosiding Seminar Masyarakat Linguistik Indonesia (MLI) *Bahasa Antara Kedudukannya dalam Rentangan Linguistik: Implikasi dalam Pengajaran Bahasa Asing.*. Komisariat Universitas Sriwijaya: Palembang.
- Dulay, Heidi, Burt, Marina, Krashen Stephen. (1982). *Language Two*. Oxford: Oxford University Press.
- Dulay, H, Burt, M. (1972). Goofing: An Indicator of Children's Second Language Learning Strategies. *Language Learning*, 22(2), 235-252.
- Anthony, E.M. (1963). *Approach, Method and Technique in English Learning*. Ann Arbor University of Michigan Press.
- Eender, M. (2008). L1 Effects on the Emergence of ESL Sentence Processing Skills of Chinese and Korean ESL Learners. *Language in Contrast*, 8(1), 47-71.
- Ellis, R (1997). *Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford university Press.
- Ellis, R. (1985) *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford : Oxford University Press.
- Ellis, Rod.ed.(1987). *Second Language Acquisition in Context*. Hertfordshire: Prentice Hall International (UK) Ltd.
- Erdogan, V. (2005). Contribution of Error Analysis to Foreign Language Teaching. *Mersin University Journal of the Faculty of Education*, 1 (2), 261-270.
- Faerch, C (ed), (1983). *Strategies in Interlanguage Communication*. New York: London Limited.
- Fries, C.c (1945). *Teaching and Learning English as a Foreign Language*. Chicago : Ann Arbor : University of Chicago Press.
- Ishak Ramly. (2003). *Inilah Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.
- Gass, S. dan Selinker, L. (1994). *Second Language Acquisition: An Introductory Course*. New Jersey : Lawrence Erlbaum Associates.
- Glaser, B & Strauss, A (1967) *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Chicago:Aldine.
- Harimurti Kridalaksana (1993). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hartmann, R.R.k dan Stork, Fc, (1973). *Dictionary of Languages and Linguistics*. London: Applied Sciences Publishers Ltd.
- Harry Usup Umbar et.al (2007). *Kamus Padat Dwibahasa Iban-Melayu Edisi 1*.Kuching :Persatuan Penulis Iban.
- Hashim Awang (1984). *Seuntai Mutiara Klasik*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Herbert W. Seliger, Elana Shohamy (2008) *Second Language Research Methods*. Oxford : Oxford University Press.
- Hoff, E. (2005). *Language Learning (3rd Edition)*. California: Thomson Learning.

- Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu Tahun 4* Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). Kuala Lumpur: Pusat Pengembangan Kurikulum.
- Ismail Hussein (1984). *Sejarah pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Daerah Kecil dan Negeri, Malaysia* (2010). Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Juriah Long, Raminah Hj. Sabran dan Sofiah Hamid. (1994). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- John pollock in Wardrip-Fruin, Noah & Montfort, Nick (2003). *Teaching Drama*. USA: The MIT Press.
- Kalam Hamidi (2003). *Pegangan Pementasan Drama*. Bangi : Penerbit UKM.
- Kamaruddin Hj Husin, (1996), *Pengajian Melayu 1 Ilmu Bahasa dan Kecekapan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Ariffin (2011). *Mengapa Tidak- Pilih Saja Drama atau Lakonan*. Monogaf Bahasa Sastera dan Budaya Melayu Jld 1. Bintangor: IPG Kampus Rajang.
- Kamarul Mat Teh dan Mohamed Amin Embi (2010). *Strategi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larson D.N dan Smalley W.A (1972). *Becoming Bilingual, A Guide to Language Learning*. New Conaan, CT : Practical Anthropology.
- Koey, Chee Leong (2004), *Analisis kesilapan morfologi Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan*. Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya.
- Koh Boh Boon, (1982). *Mengajar Imbuhan Melayu*. Kuala Lumpur ; Utusan Publications.
- Krashen, S. D., (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford : Pergamon Press.
- Krashen, S. D., (1982). *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Great Britain : A Wheaton& Com. Ltd.
- Krishnan, J (1998). *Designing A Module for Form Four ESL Students : Stories on Moral Values*. Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Malaysia.
- Kuldip Kaur (1994). Pemelajaran dan Pemerolehan Bahasa Kedua oleh Kanak-kanak dan Orang Dewasa. *Jurnal Dewan Bahasa* ,38:7,645-650.
- Lado, R, (1957). *Linguistics Across Cultures : Applied Linguistics for Language Teachers*. Ann Arbor : Chicago of Michigan Press.
- Lightbown, P. M., & Spada, N. (2006). *How language are Learned* (3rd Edition). Oxford: Oxford Univrsity Press.
- Lightbrown, P.M. dan Spada, N, (2003). *How Language Are Learned*. Oxford: Oxford University Press.
- Littlewood, W,T.(1989). *Foreign and Second Language Learning Language Acquisition Research and Its Implications for the Classroom*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Mackey W.F.(1966) *Language Teaching Analysis*. London: Logman.
- Mackey, A. & Gass, S.M (2005). *Second Language Research: Methodology and Design*. London : Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Mangantar Simanjuntak. (1982). *Aspek Bahasa dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- McLaughlin, B (1982). *Children's Second Language Learning*. Washington: Center For Applied Linguistics.

- Md. Khambari Manot (1991). Bahasa Inggeris–Pembelajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35(2):966-974.
- Mohd Khusairi Haji Abdullah, (1983), *Pelaksanaan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pengantar Pelajaran*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Sharifudin Yusop. (2009).Prosiding Konvensyen Pedagogi Bahasa Melayu Serantau 1 3-5 November 2009. *Pemasyarakatan dan Pelestarian Bahasa Sukuan Dan Bahasa serumpun Sebagai Kemahiran Bahasa Melayu*. Port Dickson: IPG Kampus Bahasa Melayu.
- Nathesan. S. (1995). *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan. S. (2010). *Beberapa Persoalan Penggunaan Bahasa Melayu dan Penyelesaiannya. Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naiman, N. Frohlich, M. Stern, H.H. & Todesco A. (1978). *The Good language Learner*. Toronto : Ontario Institute for Studies in Education.
- Nemser, William.(1971). *Approximate systems of foreign language learners*. *IRAL* 9:2, 115-123.
- Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir. (2009). *Teori Bahasa Implikasinya Terhadap Pengajaran tatabahasa*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim et.al (2011). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim (2007). *Liku-liku Bahasa*.Shah Alam : K. Publishing Sdn. Bhd.
- Noor Aina Dani, (1996). *Pemindahan Bahasa dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Dusun*. Tesis Dr. Falsafah Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Noor Aina Dani, (1999). *Bahasa Antara di kalangan Pelajar B2: Tahap dan Fosilisasi*. Monogaf Bahasa Sastera dan Budaya Melayu Jld 1. Jabatan Bahasa Melayu FBMK, UPM.
- Noor Hayati Che Mat (2011). *Kesan Olahan Aktiviti Pelbagai Deria dalam Penguasaan Perkataan oleh Kanak-kanak Disleksia*. Tesis Dr. Falsafah Universiti Putera Malaysia, Serdang.
- Norela Abdollah, Zaleha Masiman dan Zamri Mahamod (2008) “Pengaruh Sikap dalam pembelajaran bahasa pertama dan kedua dalam kalangan Pelajar Cina.dlm. Zamri Mahamod, *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu* (pp. 380-405) Shah Alam: Karisma Publications.
- Norsimah Mat Awal, Nadrah Abu Bakar, Nor Hashimah Jalaluddin, (2012) Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu* (9), 96-105.
- Nor Zaiton Hanafi, Nor Azura Mohd Salleh &Zamri Mahamod (2008).Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Pelajar Cina ketika Belajar Bahasa Melayu. dlm. Zamri Mahamod, *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu* (pp. 117-145) Shah Alam. Karisma Publications.
- Othman Lebar (2009), *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*.Tanjong Malim : Universiti Sultan Idris.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (1999). *Pemerolehan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua oleh kanak-kanak Prasekolah : Satu Kajian Bahasa Antara*. Tesis Dr. Falsafah Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Puteri Roslina Abdul Wahid.(2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richards, J.C., (penyunting). (1974). *Error Analysis: Perspective on Second Language Acquisition*. London: Longman.
- Richards, J.C.(1970). *A Non-Contrastive Approach to Error* . San Francisco :Tesol Convention.
- Rod Ellis (1997) *Second Language Acquisition*. Oxford : Oxford University Press.
- Roselan Baki (2003). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Selangor Darul Ehsan : Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Selinker, Larry (1972). "Interlanguage" IRAL 10.3, 219-231.
- Selinker, L. (1972), Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics*, (10), 209-241.Selinker, Larry (1975). *The interlanguage hypothesis extended to children*. dlm. *Language Learning* 25(1) :139-161.
- Selinker, Larry (1992). *Rediscovering interlanguage*. London And New York: Longman Group United Kingdom Limited.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori, dan Praktis*. Serdang : Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Skinner, B.F. (1957). *Verbal Behaviour*. New York : Appleton Century-Crofts Incorporation.
- Skinner, B.F. (1978). *Reflections on Behaviorism and Society*. New Jersey: Prentice Hall PTR
- Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Bersepadu Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia*.(2003). Kuala Lumpur: Pusat Pengembangan Kurikulum.
- Susan Juhin (1999). Bahasa Antara dalam Bahasa Melayu Lisan Kanak-kanak Bangsa Bidayuh di Daerah Bau, Sarawak. *Jurnal Dewan Bahasa* 43:5 ,455-463.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu 1*. Shah Alam : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tarone, E. (1988). *Variation of Interlanguage*. London : Edward Arnold.
- Tarone, et al. (1983) 'On The Variability of Interlanguage System' dlm. *Applied Linguistics* 4:2 , 143-163.
- Tarone, E. (1981). *Some though on the Notion of communication Strategy*. TESOL Quarterly, 15, 285-295.
- Tarone, E., Cohen, A & Dumas. (1976). A Closer Look at Some Interlanguage Terminology: a Framework For Communication Strategies. *Kertas Kerja Bilingualism* 9, 76-90.
- Ting, S. H. & Phan, G. Y. L. (2008). Adjusting communication strategies to language proficiency. *Prospect: An Australian Journal of TESOL*, 23 (1), 28-36.
- Varadi, T. (1983). Strategies of Target Language Learner Communication. Dalam Faerch, C, & Kasper, G. (Penyunting), *Strategies in Interlanguage Communication* (pp, 77-99) New York: Longman Group Limited.
- Viswanathan K.P, C.V.R, (1998). *The Acquisition of Spatial- Relations in English Among Children Learning*. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya.
- Wenden, A., & Rubin, J. (1987). *Learner Strategies in Language Learning*. Cambridge:Cambridge University Press.
- Zaitol Azma Zainon Hamzah. (2005). Ceria Pelajar Bahasa Kedua. *Dewan Bahasa* 10:5, 48-52, Oktober 2005.
- Zamri Mahamod & Mohamad Amin Embi. (2008). Sikap Pelajar Cina Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. Dalam Zamri Mahamod,

- Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu* (pp. 264-284) Shah Alam : Karisma Publications.
- Zamri Mahamood dan Shahrin Awaluddin. (2005). *Kecekapan bahasa penulis dalam karangan Guru Sekolah Agama Swasta: Satu Analisis daripada Aspek Kesalahan Bahasa*. Prosiding Wacana Kebangsaan Pendidikan Islam ke-4 : Fakulti Pendidikan UKM.
- Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid. (1996). *Bahasa Konsep, Fungsi dan Penggunaannya oleh Penutur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

